



SEKATAN PERGERAKAN BERDEPAN COVID-19 DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

MOVEMENT RESTRICTIONS CONFRONTING COVID-19 IN MALAYSIA: AN OVERVIEW FROM ISLAMIC PERSPECTIVE

*¹ Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, ² Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar,
³ Iknor Azli Ibrahim, ⁴ Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, ⁵ Syamsul Azizul Marinsah

¹ Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, WP Labuan, Malaysia.

² Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan, WP Labuan, Malaysia.

³ Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Bandar Seri Begawan, Brunei.

⁴ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia.

⁵ Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

*Corresponding author. E-mail: mnhidayath_h@ums.edu.my

ABSTRACT

In early 2020, the world was shocked by the spread of a new pandemic known as COVID-19. As of 10 April 2020, the pandemic had spread to 212 countries including territories, infecting 1,521,252 people and caused 92,798 deaths. In the context of Malaysia, a total of 4,346 positive cases were reported, with 1,830 were discharged and 70 death tolls recorded. To date, there are no vaccines or specific treatment to overcome this outbreak. This study aims to examine the movement sanction or movement control implemented by Malaysia in dealing with the COVID-19 from the Islamic viewpoints. This qualitative study was conducted by using a content analysis approach. The data obtained were analysed descriptively and arranged thematically. The findings of the study emphasize the movement sanction as one of the steps that are recommended in Islam to deal with the spread of dangerous outbreak. In dealing with the outbreak, Malaysia has implemented Movement Control Order (MCO), Movement Control Order Phase 2 (MCO 2), Movement Control Order Phase 3 (MCO 3), and Enhanced Movement Control Order (EMCO), that run parallel with the movement sanction as recommended in Islam. This study thus supports the actions taken by the government which implements movement sanction as one of its SOPs in dealing with such a dangerous pandemic.

Keywords: *Movement Control Order, Migration, COVID-19, Malaysia, Islam*



ABSTRAK

Pada awal tahun 2020, dunia dikejutkan dengan penularan wabak pandemik baharu iaitu COVID-19. Setakat 10 April 2020, wabak ini telah menular ke 212 negara termasuk wilayah, menjangkiti 1,521,252 orang dan menyebabkan 92,798 kematian. Manakala dalam konteks Malaysia sebanyak 4346 kes positif telah direkodkan, 1,830 discaj dan kematian mencecah 70 orang. Sehingga kini, masih tidak terdapat sebarang vaksin mahupun rawatan khusus bagi menangani wabak ini. Kajian ini bertujuan mengkaji sekatan pergerakan yang diimplementasikan oleh Malaysia dalam berdepan dengan Covid-19 dari sisi pandang Islam. Kajian kualitatif ini dijalankan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik. Hasil kajian mengetengahkan bahawa sekatan pergerakan merupakan salah satu langkah yang dianjurkan di dalam Islam ketika menghadapi penularan wabak berbahaya. Malaysia yang turut berdepan dengan wabak ini, telah melaksanakan langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 2 (PKP 2), Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 3 (PKP 3) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang secara tidak langsung selari dengan semangat sekatan pergerakan yang dianjurkan dalam Islam. Sekali gus kajian ini menyokong tindakan pihak kerajaan yang mengenakan sekatan pergerakan sebagai salah satu Prosedur Operasi Standard (SOP)-nya apabila berdepan dengan insiden wabak berbahaya seumpama ini.

Kata Kunci: Perintah Kawalan Pergerakan, Migrasi, COVID-19, Malaysia, Islam

Pengenalan

Pada awal tahun 2020, dunia telah dikejutkan dengan penularan wabak baharu iaitu COVID-19. Coronavirus Disease 2019 atau COVID-19 merupakan wabak yang baharu dan mulai dikesan pada akhir tahun 2019. Sebelum diberikan nama COVID-19 pada 11 Februari 2020 oleh World Health Organization (WHO), ia dikenali sebagai Novel Coronavirus. Coronavirus (CoV) merupakan famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit dari selesema hingga penyakit lebih teruk seperti MERS-Cov dan SARS-Cov. Novel Coronavirus pula adalah merujuk kepada spesies baharu yang belum pernah ditemui oleh manusia (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Ia merupakan virus yang ditemui bermula di Wuhan, China. Pada awal penularannya, direkodkan pada 20 Januari 2020, ia menular ke empat buah negara iaitu China (sebagai tempat permulaannya), Korea, Jepun dan Thailand. Seramai 282 orang telah dijangkiti dan melibatkan 6 kematian (World Health Organization 2020b). Kini, wabak tersebut telah menular ke seluruh dunia sehingga diisytiharkan sebagai Darurat Kesihatan Global pada 30 Januari 2020 dan seterusnya pandemik pada 11 Mac 2020 oleh Ketua Pengarah World Health Organization (WHO) Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus (World Health Organization 2020b). Setakat 10 April 2020, wabak ini telah menular ke 212 negara termasuk wilayah, menjangkiti 1,521,252 orang dan menyebabkan 92,798 kematian (World Health Organization 2020b). Manakala dalam konteks Malaysia sebanyak 4346 kes positif telah direkodkan, 1,830 discaj dan kematian mencecah 70 orang (Noor Hisham 2020d). Sehingga kertas kerja ini ditulis (10 April 2020), masih tidak terdapat sebarang vaksin mahupun rawatan khusus bagi menangani wabak ini. Malaysia turut berdepan dengan penularan wabak berbahaya tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan pandangan Islam mengenai sekatan pergerakan/migrasi sebagai salah satu langkah dalam berdepan dengan penularan wabak berbahaya dan menghubungkannya dengan implimentasi



Malaysia dalam menangani wabak tersebut. Oleh sebab isu ini masih sedang berjalan, maka kajian ini menetapkan limitasi tempoh kajian adalah bermula ketika COVID-19 mulai dikesan di Malaysia iaitu 23 Januari 2020 sehingga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 3 (PKP 3) diumumkan pada 10 April 2020. Hal ini kerana, sehingga pelaksanaan PKP 3 ini telah mencapai objektif kajian yang dikehendaki. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap sumber-sumber bertulis berbentuk cetakan, digital dan media elektronik. Manakala, data dan maklumat yang diperoleh dianalisis secara deskriptif serta disusun secara tematik.

Konsep Keselamatan Kesihatan

Keselamatan merupakan antara keperluan penting dalam kehidupan manusia (Wells 2003). Secara ringkas, keselamatan bermaksud ketiadaan bahaya mahupun risiko. Holt (2005) menjelaskan keselamatan merupakan satu keadaan yang tidak berbahaya, tidak ada perkara-perkara yang boleh mengundang kepada bahaya dan satu tahap perlindungan dan keadaan yang tidak mendatangkan risiko. Menurut Ngowi (1996), keselamatan merupakan satu kaedah mengelakkan atau mengurangkan kecederaan dan kemalangan personal atau kerosakan harta benda yang mungkin disebabkan kemalangan. Menurut Bahari (2006), keselamatan memberikan pelbagai makna, antaranya:

- 1) Keadaan selamat dan bebas daripada bahaya, termasuk kecederaan dan risiko.
- 2) Kualiti atau keadaan yang tidak membawa risiko.
- 3) Pengetahuan atau kemahiran dalam keadaan mengelakkan kemalangan atau penyakit.


Kesihatan pula menurut Noresah (2007) ialah memperihalkan suatu keadaan di mana tidak kena atau menghidap sebarang penyakit. Menurut perlembagaan World Health Organization (WHO) 1946 menjelaskan bahawa kesihatan yang baik adalah ketiadaan penyakit atau keuzuran, memiliki fizikal yang sempurna, sosial dan mental yang baik. Berdasarkan kepada definisi keselamatan dan kesihatan, jelaslah bahawa secara umum keselamatan kesihatan merujuk kepada kaedah mahupun langkah pencegahan atau meminimalkan daripada sebarang perkara yang boleh mengundang kepada penyakit, mencatatkan fizikal dan memberikan keadaan sosial dan mental yang tidak baik.

Penjagaan Kesihatan dan Pemeliharaan Nyawa Tepati Konsep Maqasid Syariah

Konsep Maqasid Syariah telah diperkenalkan oleh beberapa tokoh ilmuwan Islam sejak dahulu lagi, seperti al-Ġazālī dan al-Shaṭībī. Konsep yang selalu diketengahkan oleh para ulama fiqh ini banyak menggariskan perihal pemeringkatan aspek kehidupan yang seharusnya diutamakan dalam kehidupan seharian individu Muslim dan ummah keseluruhannya. al-Ġazālī (1971) mentakrifkan maqasid sebagai matlamat penetapan hukum sesuatu peristiwa dalam usaha mencapai kemaslahatan dan menghalang daripada keburukan. Beliau seterusnya membahagikan konsep maqasid kepada tiga perkara umum iaitu *al-darūriyyāt* (kepentingan utama), *al-hājiyyāt* (pelengkap) dan *al-tahsīniyyāt* (penghiasan). Konsep pemeliharaan nyawa (*ḥifz al-nafs*) diletakkan oleh al-Ġazālī (1971) sebagai salah satu daripada lima kepentingan utama (*al-darūriyyāt al-ḥamsah*) di bawah perkara *al-darūriyyāt*, bersama-sama dengan pemeliharaan agama, keturunan, akal dan harta. Al-Shaṭībī (1997) membahagikan maqasid kepada dua kategori utama, iaitu *al-maqṣad al-sharʿī* dan *maqāṣid al-mukallaḥ*. Maksud bagi kategori maqasid pertama adalah tujuan



pensyariatan adalah bagi menjadikan kemahuan manusia selaras mengikut kehendak penetak syarak (Allah s.w.t) itu sendiri, manakala maqasid kategori kedua memfokuskan kepada setiap perbuatan dan amalan ibadat mahupun muamalat hendaklah berpandukan kehendak pencipta, di mana sebarang kemaslahatan mestilah bertepatan dengan syarak. Tidak harus bagi setiap mukalaf untuk mengharap kepada kesusahan kerana ia bertentangan dengan kehendak pencipta yang menginginkan masalah secara amnya (al-Shaṭībī 1997). Oleh itu, adalah penting bahawa nyawa manusia dan individu terjaga dan dipelihara sepanjang masa, lebih-lebih lagi ketika mana berlakunya sebarang peristiwa, penyakit dan wabak serta perlakuan yang boleh mendatangkan bahaya terutamanya kepada nyawa individu yang sangat berharga dalam Islam.



Rajah 1: Kepentingan pemeliharaan nyawa dalam Maqasid Syariah menurut al-Ghazālī (1971)

Kaedah *Fiqh Lā-Ḍarar Wa Lā-Ḍīrar* Dan *Dar'ū Al-Mafāsīd Muqaddam 'alā Jalb Al-Maṣāliḥ*: Penekanan *Fiqh* Dalam Mendepani Wabak Dan Penyakit

Apabila diteliti daripada sisi kaedah *fiqh*, terdapat dua kaedah utama yang boleh dijadikan sandaran dalam mendepani pandemik COVID-19 dan kawalan pergerakan; atau migrasi berskala kecil, oleh masyarakat pada ketika ini. Kaedah *lā-ḍarar wa lā-ḍīrar*, yang memberi makna tiada kemudaratan dan tidak melakukan kemudaratan, di samping kaedah *dar'ū al-mafāsīd muqaddam 'alā jalb al-maṣāliḥ* yang bermaksud mengekang segala keburukan atau kerosakan adalah lebih utama didahulukan berbanding kebaikan yang ada, wajar untuk diketengahkan. Ibn Nujaim (1999) mentakrifkan perbezaan *al-ḍarar* dan *al-ḍīrar*, iaitu *al-ḍarar* adalah kemudaratan yang dilakukan oleh individu ke atas orang lain, sedangkan *al-ḍīrar* adalah perbuatan membalas semula kemudaratan yang dilakukan ke atas pelakunya. Justeru Ibn Nujaim (1999) merumuskan bahawa kaedah *fiqh* tersebut menekankan aspek penjagaan kemaslahatan awam, dengan tidak melakukan kemudaratan ke atas sesiapa serta tidak membalas semula kemudaratan yang berlaku. Beliau juga mentakrifkan kaedah *dar'ū al-mafāsīd muqaddam 'alā jalb al-maṣāliḥ*, bahawa sekiranya



berlaku keburukan dan kebaikan pada suatu masa yang sama, maka tindakan untuk mengekang keburukan adalah lebih didahulukan, kerana pengawasan syarak ke atas perkara yang dilarang adalah lebih ketat berbanding pengawasan kepada perintah kebaikan, justeru membenarkan kewajipan ditangguhkan bagi mengelakkan kemudatan yang lebih membebaskan (Ibn Nujaim 1999).

Jika diteliti, kedua-dua kaedah *fiqh* ini sangat bertepatan dengan situasi semasa yang berlaku, di mana negara sekarang dihimpit dengan penularan wabak COVID-19 yang memudaratkan dan memberikan risiko ke atas nyawa masyarakat seluruhnya. Pada masa yang sama, wujud kebaikan dan kebajikan yang sama penting dalam memelihara hal ehwal ekonomi, pendidikan, pekerjaan dan segenap aspek kemaslahatan sosial masyarakat. Begitu juga halnya dalam menjaga kemaslahatan awam, individu yang mempunyai simptom-simptom jangkitan adalah perlu untuk tampil menjalankan saringan kesihatan di hospital-hospital kerajaan bagi mengenal pasti jangkitan COVID-19, selain diarahkan agar menjalani kuarantin persendirian dan pengasingan. Masyarakat juga perlu mengamalkan penjarakkan sosial bagi membendung dan melindungi diri daripada terkena jangkitan COVID-19 tersebut. Sehubungan itu, selari dengan tuntutan kaedah-kedah *fiqh* ini, aspek penjagaan nyawa individu dan kemaslahatan masyarakat seluruhnya adalah lebih diutamakan, memandangkan risiko kematian yang berlaku serta tindakan tidak mengekang penularan pandemik ini adalah lebih membahayakan secara keseluruhannya berbanding kebaikan yang ada. Dengan merujuk kepada kedua-dua kaedah *fiqh* di atas, beberapa tindakan penting perlu segera diambil dalam menjaga kemaslahatan awam lebih-lebih lagi ketika berdepan dengan situasi semasa yang meruncing saban hari dan waktu.

Berikutan pandemik COVID-19 yang cepat merebak dalam kalangan penduduk segenap negeri di Malaysia, tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam mengekang penularan wabak ini adalah dilihat selari dengan konsep maqasid syariah yang dianjurkan oleh Islam terutama dalam memelihara nyawa manusia secara amnya. Keselamatan nyawa merupakan salah satu aspek penting di dalam Islam. Islam mengiktiraf hak setiap manusia untuk terus hidup. Pengiktirafan ini menjelaskan bahawa hak ini tidak boleh diceroboh melainkan terdapat sebab-sebab yang sah. Oleh yang demikian, Islam telah menetapkan beberapa dasar bagi memelihara nyawa setiap manusia. Antaranya adalah:

a) Larangan membunuh sesama manusia.

Islam melarang perbuatan membunuh manusia secara sengaja tanpa sebab yang sah. Sebab-sebab yang sah adalah seperti peperangan, bunuh balas (qisas), dijatuhkan hukuman dan seumpamanya (al-Qaraḍāwī 2012). Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Mā'idah ayat 32 yang bermaksud: *"bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya"*. Membunuh merupakan antara perbuatan dosa yang jelas ancaman kepada pelakunya. Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Nisā' ayat 93 yang bermaksud: *"Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam"*.

b) Larangan melakukan perkara yang membahayakan diri, kesihatan dan nyawa.

Secara umumnya Islam melarang sebarang perbuatan yang boleh membahayakan diri, kesihatan dan mengancam nyawa (al-Qaraḍāwī 2012). Ini mencakupi pelbagai perkara seperti meminum arak, menagih dadah dan sebagainya. Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud: *"Jangan kamu campakkan diri kamu ke dalam kebinasaan"*.



c) Anjuran untuk terus berikhtiar mendapatkan rawatan ketika sakit.

Islam menyarankan kepada umatnya untuk terus berikhtiar dan berusaha serta tidak berputus asa mendapatkan rawatan ketika sakit. Sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim bermaksud: *"Bagi setiap penyakit ada ubatnya. Apabila betul ubatnya, maka sembuhlah dengan izin Allah"*. al-Nawawī (t.th) menjelaskan bahawa hadis ini memberi isyarat kepada setiap insan agar berikhtiar mendapatkan rawatan ketika sakit.

d) Larangan membunuh diri.

al-Qaradāwī (2012) menyatakan bahawa semua jenayah pembunuhan tidak hanya melibatkan pembunuhan sesama manusia, tetapi merangkumi perbuatan membunuh diri. Perbuatan tersebut diharamkan oleh Allah s.w.t. kerana termasuk dalam perbuatan membunuh tanpa sebab yang sah. Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Nisā' ayat 29 yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah s.w.t. sentiasa mengasihani kamu"*. Malah terdapat ancaman yang jelas bagi mereka yang membunuh diri berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. riwayat al-Buḥārī dan Muslim yang bermaksud: *"Sesiapa yang membunuh diri dengan sesuatu cara, pada hari kiamat kelak dia akan disiksa dengan cara seperti itu pula"*. Ancaman ini jelas menunjukkan perbuatan bunuh diri tersebut dilarang di dalam Islam.

e) Kelonggaran untuk makan dan minum daripada sumber yang haram ketika darurat.

Islam memberikan kelonggaran kepada umat Islam untuk makan dan minum daripada sumber-sumber yang haram ketika situasi darurat seperti apabila tidak ada makanan dan minuman selain daripada yang diharamkan seperti khinzir dan arak (al-Qaradāwī 2012). Ini berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Mā'idah ayat 3 yang bermaksud: *"Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani"*. Begitu juga firman Allah s.w.t. dalam Surah al-An'am ayat 119 yang bermaksud: *"Allah telah menerangkan kepadamu apa-apa yang Ia telah diharamkan ke atas kamu, kecuali kamu dalam keadaan terpaksa"*.

Berdasarkan kepada dasar-dasar yang dijelaskan di atas, ia memberikan bukti yang jelas bahawa Islam memberikan penekanan yang tinggi kepada keselamatan diri, kesihatan dan nyawa setiap manusia.

Sekatan Pergerakan Berdepan COVID-19 Di Malaysia

Penularan COVID-19 di Malaysia dibahagikan kepada dua fasa ataupun gelombang. Gelombang pertama adalah bermula apabila COVID-19 disyaki memasuki Malaysia pada 23 Januari 2020 sehinggalah 27 Februari 2020 yang merangkumi sebanyak 22 kes sahaja. Kes positif COVID-19 pertama di Malaysia dikesan pada 25 Januari 2020 melibatkan seorang pelancong daripada Wuhan, China dan kes pertama yang melibatkan rakyat Malaysia pula dikesan pada 6 Februari 2020. Kebanyakan kes-kes dalam gelombang pertama adalah merupakan kes-kes import atau berkait rapat dengan negara Republik Rakyat China iaitu 12 kes merupakan kes dari kalangan Patient Under Investigation (PUI), 8 dari kontak rapat dan hanya 2 kes merupakan transmisi tempatan berikutan misi bantuan kemanusiaan ketika membawa balik rakyat Malaysia dari Wilayah Hubei, China. Kesemua kes dalam gelombang pertama ini telah sembuh dan dibenarkan pulang (Noor Hisham 2020a).



Gelombang kedua pula berlaku bermula pada 27 Februari 2020. Ia dianggap sebagai gelombang kedua selepas 11 hari ketiadaan kes baharu iaitu yang terakhir pada 15 Februari. Pada 27 Februari 2020, sebanyak 7 kes positif baharu direkodkan. Ini menjadikan keseluruhan kes dari 25 Januari 2020 sehingga 27 Februari 2020 adalah sebanyak 29 kes. Pada 11 Mac 2020 ketika COVID-19 diisytiharkan sebagai pandemik, direkodkan sebanyak 149 kes berlaku di Malaysia (BH Online 2020c). Pada 17 Mac 2020, direkodkan kematian COVID-19 yang pertama di Malaysia (BH Online 2020d). Kebanyakan kes bagi gelombang kedua ini merupakan kes-kes import atau berkait rapat dengan negara-negara luar dari Republik Rakyat China iaitu Jepun dan Itali. Selain itu, beberapa kluster dan sub-kluster penularan juga telah dikenal pasti iaitu kluster tabligh, kluster individu dengan sejarah perjalanan ke Itali (Kuching), kluster perhimpunan keagamaan di Kuching dan kluster majlis perkahwinan di Bandar Baru Bangi serta sub-kluster tabligh di Rembau (Rafidah et al 2020; Fauzi 2020; Nuradzimmah 2020; Rafidah & Luqman 2020). Sehingga 10 April 2020 jam 12 tengah hari, direkodkan sebanyak 4346 kes, 1,830 discaj dan kematian 70 orang bagi Malaysia (Noor Hisham 2020d).

Peningkatan yang membimbangkan ini telah menjadi satu tanda bahawa perlunya kepada langkah pencegahan yang lebih ketat. Justeru, YAB Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 16 Mac 2020 jam 10.00 malam telah mengumumkan satu tindakan segera dan drastik iaitu melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 (Pejabat Perdana Menteri 2020; BH Online 2020b).

Pada 25 Mac 2020, peningkatan terus berlaku iaitu daripada 553 kes pada 16 Mac 2020 kepada 1796 kes. Daripada jumlah tersebut, 1578 kes sedang menerima rawatan, 199 sembuh dan kematian menjangkau 19 orang (Noor Hisham 2020b). Peningkatan yang tinggi ini menyebabkan pada tarikh yang sama sekali lagi YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 2 (PKP 2) bermula 1 April sehingga 14 April 2020 (Luqman Ariff 2020).

Selang sehari iaitu pada 26 Mac 2020, direkodkan peningkatan jumlah kes kepada 2031 kes, discaj 215 orang dan kematian direkodkan seramai 23 orang. Pada tarikh yang sama, didapati terdapat beberapa kawasan yang menunjukkan kes positif berskala besar di Simpang Renggam iaitu sebanyak 61 kes. Ini menyebabkan Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) bermula 27 Mac 2020 sehingga 9 April 2020 yang melibatkan dua tempat iaitu Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid (Noor Azizah 2020).

Pada 29 Mac 2020, direkodkan kes terus meningkat kepada 2470 kes, discaj 388 orang dan kematian direkodkan seramai 34 orang. Pada tarikh yang sama terdapat kawasan baharu yang dikesan mempunyai kes positif yang tinggi di Hulu Langat, Selangor. Disebabkan itu, sekatan PKPD turut sama dilaksanakan di Batu 21-24 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor bermula 30 Mac sehingga 13 April 2020 (Ismail Sabri 2020; Noor Hisham 2020c).

Selanjutnya pada 31 Mac PKPD turut dilaksanakan di Menara City One, Kuala Lumpur apabila terdapat sebanyak 17 kes positif telah dikesan. PKPD dilaksanakan di kawasan tersebut bermula 31 Mac sehingga 14 April 2020 (Abdul Halim 2020). Ini menjadikan Menara City One, Kuala Lumpur sebagai kawasan ketiga yang dikenakan PKPD.

Seterusnya pada 7 April 2020, bangunan Selangor Mansion dan bangunan Malayan Mansion yang terletak Jalan Masjid India, Kuala Lumpur menjadi kawasan keempat dilaksanakan PKPD. Keputusan tersebut dibuat apabila terdapat 15 kes positif jangkitan COVID-19 di bangunan berkenaan (Ekhwan Haque 2020). Berbeza dengan 3 kawasan sebelum ini yang ditentukan tarikh PKPD berakhir, PKPD di bangunan Selangor Mansion dan Malayan Mansion bermula pada 7



April dan hanya berakhir setelah setiap unit di bangunan tersebut selesai dilakukan penyaringan (Firdaus 2020).

Pada 10 April 2020, mengambil kira keadaan semasa yang masih belum pulih dengan peningkatan rekod iaitu 4346 kes, 1,830 discaj dan kematian 70 orang, sekali lagi YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan untuk melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 3 (PKP 3) berkuatkuasa 15 April sehingga 28 April 2020 (Astro Awani 2020c).

Jadual 1: Implementasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan Malaysia

Jenis Perintah Kawalan Pergerakan	Tempoh Berkuatkuasa	Kawasan/ Lokaliti
Perintah Kawalan Pergerakan (Asal)	18 Mac 2020 - 31 Mac 2020	Seluruh negara
Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 2 (PKP 2)	1 April 2020 - 14 April 2020	Seluruh negara
Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 3 (PKP 3)	15 April 2020 - 28 April 2020	Seluruh negara
Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD)	27 Mac 2020 - 28 April 2020	Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid (Simpang Renggam, Johor)
	30 Mac 2020 - 14 April 2020	Batu 21-24 Sungai Lui, (Hulu Langat, Selangor)
	31 Mac 2020 - 28 April 2020	Menara City One (Kuala Lumpur)
	7 April 2020 - selesai proses disinfeksi	Selangor Mansion dan Malayan Mansion, (Jalan Masjid India, Kuala Lumpur)

Seperti yang dapat dilihat pada Jadual 1, kesemua perintah kawalan pergerakan yang diimplimentasi oleh pihak kerajaan jelas bertujuan bagi menghalang dan memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19. Secara langsung, pelaksanaan perintah-perintah tersebut memerlukan kerjasama rakyat bagi menghadkan mobiliti sosial yang merangkumi beberapa aspek, antaranya:



a) Aspek Urusan Harian

Perintah ini jelas bertujuan untuk menghadkan pergerakan rakyat sebagai langkah mengelakkan penularan wabak dan memutuskan rantaian penularan. Berikutan daripada pelaksanaan PKP ini, beberapa garis panduan diperkenalkan bagi sebarang urusan harian masyarakat. Pendekatan penjarakan sosial (*social distancing*) mula dipraktikkan dalam masyarakat. Begitu juga dengan kelakuan mencuci tangan, memakai *hand sanitizer* dan memakai penutup muka (*face mask*) selain tidak digalakkan bersentuhan atau bersalaman (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Setiap premis kerajaan mahupun komersial diminta untuk menyediakan *hand sanitizer* dan menghadkan kemasukan pelanggan dalam jumlah kecil ketika di dalam premis mereka. Beberapa perkhidmatan operasi berkaitan perhubungan awam dihadkan. Sebagai contoh, perkhidmatan bas awam antara bandar dan rentas negeri dikurangkan kepada kadar pergerakan minima. Perkhidmatan *e-hailing* atau teksi juga turut diminta agar memastikan penumpang sentiasa mematuhi segala aspek keselamatan dan kesihatan, di samping tiada sentuhan kontak fizikal dibenarkan (Majlis Keselamatan Negara 2020). Beberapa penerbangan komersial juga dikurangkan selain dibatalkan.

Sepanjang tempoh perintah juga, kerajaan telah mengarahkan agar hanya seorang individu iaitu ketua keluarga sahaja yang dibenarkan untuk keluar membeli barang-barang keperluan rumah mahupun bagi tujuan urusan-urusan penting (Majlis Keselamatan Negara 2020). Selain itu, aktiviti-aktiviti luar rumah seperti riadah atau bersukan di taman awam turut dilarang sama sekali. Program-program seperti kenduri perkahwinan, kesyukuran dan sebarang perhimpunan kemasyarakatan juga tidak digalakkan, malah dituntut agar ditangguhkan sehingga keadaan membenarkan. Urusan perbankan, pembelian di pasar basah atau awam juga dikawal agar tidak berlaku perhimpunan pelanggan pada skala yang besar (Majlis Keselamatan Negara 2020).

b) Aspek Sekuriti Kesihatan

Dalam konteks pencegahan dan rawatan pada hari ini, kuarantin dikenakan ke atas pesakit yang terkena jangkitan yang mudah berjangkit. Kekhawatiran ini disebabkan terdapat risiko yang tinggi individu yang telah dijangkiti berkemungkinan menjangkiti orang lain melalui cecair badan seperti batuk dan air liur, mahupun kontak fizikal yang berlaku melalui berjabat tangan dan sebagainya. Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan beberapa arahan dan garis panduan dalam memerangi COVID-19, memfokuskan kepada perintah kuarantin dan saringan individu rapat kepada pesakit yang dijangkiti COVID-19 tersebut (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Beberapa fasiliti dan bangunan kerajaan, awam serta swasta telah diwartakan sebagai pusat kuarantin seperti asrama jururawat dan institut latihan, dewan pameran, hotel, dan lain-lain lagi. Dari segi perintah kuarantin, kerajaan telah memerintahkan agar semua individu sedang disiasat atau *people under investigation (PUI)* yang berisiko dijangkiti virus tersebut agar dikuarantin, selain menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) dengan tidak bergaul sesama masyarakat dan duduk secara pengasingan di rumah. Begitu juga dengan seruan agar semua individu kontak rapat dengan pesakit COVID-19 diminta agar segera melakukan saringan kesihatan di hospital-hospital yang berdekatan dengan mereka agar pengesanan jangkitan dapat dikenal pasti bagi memudahkan tindakan pembendungan dilakukan (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020).

Pihak kerajaan juga telah mewartakan larangan keluar dan masuk dari dan ke negara-negara yang dilanda wabak seperti China, Korea Selatan, Jepun, Itali dan Iran, serta semua pelancong warganegara asing ke Malaysia (Majlis Keselamatan Negara 2020). Kawalan kemasukan di setiap pintu masuk udara, darat dan air utama melibatkan kompleks imigresen di



semua sempadan, lapangan terbang antarabangsa dan domestik, serta pelabuhan diperketat, dengan setiap pintu masuk utama negara dibekalkan dengan mesin pengimbas suhu (*thermal scanner*) bagi tujuan saringan setiap individu yang dikhuatiri dijangkiti COVID-19 (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Sebarang aktiviti pelabuhan kapal persiaran di semua pelabuhan negara juga tidak dibenarkan sama sekali (BH Online 2020a).

c) Aspek Aktiviti Keagamaan

Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah drastik dalam mendepani pandemik COVID-19 terutama dalam melarang sebarang bentuk perhimpunan awam berskala besar dan menjadi tumpuan orang ramai (Majlis Keselamatan Negara 2020; Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Ini berikutan bagi mengelakkan berlakunya sebarang kontak fizikal dan bagi mendokong penjarakan sosial (*social distancing*) sekaligus bertujuan memutuskan rantaian (*chain*) penyebaran COVID-19 tersebut. Hal ini turut memberikan perubahan ketara dalam aspek keagamaan, melibatkan perintah penangguhan mengadakan solat Jumaat dan solat berjemaah di semua masjid, surau dan musala di setiap negeri (Harian Metro 2020). Selain itu aktiviti-aktiviti keagamaan berbentuk kuliah, ceramah dan tahlil turut ditangguhkan sepanjang PKP. Kerajaan melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah mengeluarkan beberapa pekeliling dan garis panduan terperinci bagi menjelaskan perkara ini, antaranya seperti hanya kebenaran melaungkan azan oleh jawatankuasa masjid, garis panduan proses pengebumian jenazah pesakit COVID-19 yang mengikut operasi standard pengebumian pesakit Ebola, penggantian kewajipan solat Jumaat dengan solat zohor di rumah, selain menggalakkan masyarakat Muslim untuk mengadakan solat hajat dan memperbanyakkan berdoa kepada Allah (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2020). Beberapa jabatan agama negeri turut mengeluarkan arahan penangguhan program apa jua aktiviti di masjid dan surau, akad nikah dan perkahwinan sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan ini susulan mengekang penularan wabak ini (Majlis Agama Islam Johor 2020; Jabatan Agama Islam Selangor 2020; Pejabat Mufti Negeri Sabah 2020). Bagaimanapun, perkara-perkara yang tidak dapat ditangguh seperti akad nikah yang telah dirancang, maka akad nikah tersebut dapat dilaksanakan secara atas talian. Hal ini telah difatwakan keharusannya oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor dan telah pun diaplikasikan buat pertama kalinya di Malaysia pada 18 April 2020 (Jabatan Mufti Negeri Selangor 2016; Samadi 2020).

Situasi ini tidak hanya terhad kepada masyarakat Muslim, malah masyarakat bukan Muslim juga turut merasai kesan penularan wabak ini dalam aspek keagamaan mereka. Gereja di seluruh Malaysia turut menasihatkan agar sebarang aktiviti keagamaan di gereja seluruh negara ditangguhkan dalam usaha mengekang jangkitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat (Astro Awani 2020a; Utusan Borneo 2020).

d) Aspek Keselamatan dan Kemaslahatan Awam

Beberapa tindakan telah diambil kerajaan bagi menjaga keselamatan dan kemaslahatan awam. Pada fasa pertama PKP, kerajaan telah mengarahkan polis untuk melakukan sekatan jalan raya bagi tujuan menghadkan perjalanan rakyat dan hanya membenarkan pelepasan bagi tujuan penting sahaja. Sekatan perjalanan daerah dan rentas negeri telah turut dilakukan, di samping sekatan perjalanan bagi urusan tidak berkepentingan antara Semenanjung dan Sabah serta Sarawak (Kementerian Dalam Negeri 2020). Jarak pergerakan juga ditetapkan dengan radius tidak melebihi 10 kilometer bagi mereka di kawasan tempat jangkitan ke tempat jangkitan yang lain, tanpa disertai orang lain (Astro Awani 2020b). Walaubagaimanapun, pada fasa kedua PKP, pihak tentera diminta untuk membantu polis dalam melakukan sekatan jalan raya, memandangkan



terdapat beberapa situasi yang mana rakyat didapati masih kurang mematuhi perintah PKP ini dan masih melakukan perjalanan tidak penting. Sehubungan itu, beberapa tindakan telah diambil oleh polis seperti tindakan mengarahkan balik, denda dan tangkapan pesalah yang mengingkari perintah kawalan pergerakan ini (Kementerian Dalam Negeri 2020).

Penutupan beberapa institusi pendidikan rendah, menengah dan tinggi turut dilaksanakan. Penuntut-penuntut universiti turut diarahkan agar kekal di dalam kampus masing-masing walaupun ada beberapa kampus telah bercuti pertengahan semester (Majlis Keselamatan Negara 2020; Pejabat Perdana Menteri 2020). Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menggalakkan agar semua sekolah, kolej matrikulasi, kolej dan universiti awam mahupun institusi pengajian swasta agar melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (*online learning*) bagi menggantikan kelas fizikal sepanjang tempoh kawalan pergerakan serta sepanjang penularan wabak COVID-19 berlaku (Kementerian Pendidikan Malaysia 2020; Pejabat Perdana Menteri 2020). Berikutan berlakunya keadaan yang tidak dapat dielakkan iaitu penularan pandemik COVID-19 ini dalam tempoh masa yang singkat ke seluruh negeri di Malaysia, tindakan-tindakan yang telah diambil dan diperkenalkan oleh kerajaan tersebut amat tepat dan selari dengan semangat pencegahan penyakit dan sekatan pergerakan masyarakat yang dianjurkan di dalam Islam ketika berdepan wabak penyakit. Walaupun tindakan ini sedikit sebanyak adalah berat kepada keseluruhan masyarakat, namun ia wajar diambil bagi mengelakkan daripada kemudaratan yang lebih besar berlaku selaras dengan tuntutan syariat yang mengutamakan kebajikan individu dan masyarakat seluruhnya.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas bahawa COVID-19 merupakan satu wabak yang berbahaya yang perlu kepada pencegahan dan rawatan. Pelbagai bentuk dan usaha-usaha kerajaan dalam menangani wabak tersebut seperti saranan mengamalkan kebersihan, melakukan ujian saringan, penjarakan sosial dan termasuklah mengesahkan pergerakan serta kuarantin diri. Insiden wabak pandemik COVID-19 ini telah memberikan satu iktibar yang besar. Wabak ini tidak disebarkan oleh mereka yang positif sahaja, malah mereka yang mempunyai kontak rapat juga boleh menjadi pembawa virus wabak tersebut. Lebih membimbangkan apabila gejala jangkitan wabak ini tidak dapat dikesan segera, sebaliknya mengambil masa yang panjang untuk menunjukkan gejala. Malah terdapat juga mereka yang langsung tidak menunjukkan sebarang gejala, namun disahkan positif telah dijangkiti. Malaysia merupakan antara negara terawal yang dapat mengesan keadaan tersebut (Harits Asyraf 2020).

Sekatan Pergerakan Berdepan Covid-19 Di Malaysia: Satu Tinjauan Dari Perspektif Islam

Apabila membincangkan berkenaan dengan sekatan pergerakan dalam Islam ketika berdepan dengan wabak, pengkaji dapati ia diletakkan di dalam ruang lingkup perbincangan *Fiqh al-Hijrah* iaitu Hukum-hukum Migrasi seperti di dalam *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* (2004) dan *al-Hijrah: Masā'il wa Ahkām* (t.th). Oleh itu, perbincangan seterusnya berkenaan sekatan pergerakan di dalam kajian ini akan mengambil data dan maklumat daripada perbincangan migrasi tersebut. Migrasi dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-Hijrah*. *al-Hijrah* dari segi bahasa memberikan beberapa maksud antaranya seseorang memutuskan, meninggalkan, mencegah, menghalang atau memulaukan sesuatu (Ibn Manzūr t.th; al-Mu'tamad 2000). Selain itu, *al-hijrah* juga bermaksud berpindah. Oleh itu, *al-hijrah* didefinisikan sebagai seseorang yang meninggalkan atau berpindah dari sebuah tempat ke tempat lain (al-Jūhārī t.th) atau dari sebuah negara ke negara yang lain (al-Fayrūz Abadī 2005) dengan tujuan untuk bermastautin (Abī al-Ḥusain Aḥmad t.th). Dari sudut istilah, *al-hijrah* membawa beberapa maksud, antaranya; perpindahan dari negara bukan Islam ke



negara Islam dengan matlamat untuk mendekatkan diri kepada Allah (menjaga agama) (Ibn Qudāmah 1984; al-Jurjānī t.th); Perpindahan dari negara yang banyak berlakunya fitnah ke negara yang kurang fitnah (Abū Baṣīr t.th); Berpindah dari negara bidaah ke negara yang mengamalkan Islam selaras dengan panduan yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunah (al-Jazā'irī 1992); Berpindah dari negara yang memberikan mudarat terhadap harta, maruah dan kesihatan (Zuhaylī 1991); Beralih daripada segala perkara-perkara mungkar kepada perkara-perkara makruf dalam rangka mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. (al-Jawziyyah t.th).

Sungguhpun pelbagai definisi yang diketengahkan, namun ia berlegar dalam ruang lingkup yang sama dan intipatinya menekankan unsur-unsur akidah, syariah dan akhlak. Dapat disimpulkan bahawa *al-hijrah* menurut Islam adalah perpindahan dari sebuah tempat ke tempat lain bagi menjaga maqasid syariah iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta daripada sebarang bentuk pencerobohan yang mendatangkan mudarat terhadap kelima-lima elemen tersebut (Mohd Nur Hidayat Hasbollah 2019).

Berdasarkan kepada definisi migrasi, antara tujuan bermigrasi itu adalah bagi menjaga nyawa. Nyawa merupakan salah satu daripada hak-hak setiap insan yang perlu dipelihara di dalam maqasid syariah. Oleh itu, dalam usaha menangani bahaya wabak atau apa-apa penyakit berjangkit, Islam telah memberikan kaedah sekatan migrasi/pergerakan sebagai salah satu langkah dalam menangani wabak mahupun penyakit berjangkit.

Ibn al-'Arabī (t.th) dan al-Zuhaylī (1990) menjelaskan antara sebab umat Islam itu perlu melakukan migrasi adalah bagi menjaga kesihatan diri dari sebarang penyakit berbahaya, berjangkit, wabak dan sebagainya. Perkara ini dapat dirujuk ketika Rasulullah s.a.w. memberikan keizinan kepada penggembala Madinah untuk keluar mencari tempat yang selamat sehingga keadaan Madinah pulih dari wabak penyakit. Bagaimanapun, sekiranya seseorang itu telah menghidapi penyakit berjangkit yang berbahaya, maka makruh baginya (disekat pergerakan) untuk keluar daripada tempat atau negara tersebut. Ini bagi mengelakkan penularannya ke tempat-tempat lain sehingga mendatangkan mafsadah yang lebih besar (Ibn al-'Arabī t.th).

Anjuran melakukan sekatan pergerakan/migrasi bagi mengelakkan wabak dan penyakit adalah berdasarkan kepada nas-nas berikut:

- 1) Berdasarkan kepada keumuman firman Allah s.w.t. menerusi Surah al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud: *"Jangan kamu campakkan diri kamu ke dalam kebinasaan"*. Ayat ini memberikan saranan umum namun jelas menyeru setiap individu untuk mengambil langkah pencegahan dan tidak melakukan sebarang perbuatan yang boleh mengancam kesihatan dan nyawa. Justeru, seseorang itu ditegah daripada pergi ke mana-mana tempat yang telah disahkan sebagai kawasan wabak bagi mengelakkan kesihatan dan nyawanya terancam.
- 2) Berdasarkan kepada saranan khusus daripada hadis seperti diriwayatkan oleh al-Buḥārī dan Muslim, bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang maksudnya: *"Jika kamu mendengar taun (wabak) di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya. Jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada di situ, jangan kamu keluar daripadanya"*. Hadis ini telah disampaikan oleh Abd al-Rahman bin Awf kepada Khalifah Umar bin al-Khattab ketika beliau bercadang untuk mengunjungi Syam semasa wabak taun sedang merebak di sana pada zaman pemerintahannya. Setelah beliau mendengar hadis tersebut, Umar al-Khattab membatalkan hasrat tersebut. Begitu juga diriwayatkan oleh al-Buḥārī bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: *"Tiada seorang pun yang berlaku wabak (di tempatnya), lalu dia kekal berada dalam rumahnya"*.



Hadis-hadis ini jelas menyarankan agar sekatan pergerakan/migrasi dan 'kuarantin' dilaksanakan. Seseorang itu perlu mengelakkan daripada pergi ke satu-satu tempat yang telah disahkan sebagai kawasan wabak. Begitu juga sebaliknya seseorang itu tidak boleh keluar daripada tempatnya yang telah terkena wabak. Proses 'kuarantin' yang digunakan pada masa kini adalah selari dengan semangat hadis tersebut iaitu bagi mengelakkan penyakit atau wabak daripada tersebar.

Apabila merujuk semula kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dibahasakan sebelum ini, secara langsung menghadkan pergerakan ini selari dengan kaedah yang dianjurkan Islam ketika berdepan dengan penularan wabak merbahaya. Islam menyarankan agar sesiapa yang berada di negeri atau tempatnya yang terkena wabak agar kekal dan tidak meninggalkan tempat tersebut. Hal ini bertujuan mengelakkan mereka yang positif wabak atau mempunyai kontak rapat tidak bergerak ke tempat lain yang akan menyebabkan mafsadah lebih besar apabila virus tersebut tersebar. Begitu juga, Islam menyarankan agar tidak pergi atau memasuki tempat-tempat yang telah disahkan kawasan wabak. Oleh yang demikian, dengan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan adalah antara langkah yang tepat. Ini membuktikan kebenaran saranan Islam pada hari ini setiap negara mengambil langkah kuarantin dan 'lockdown' bagi mengawal pergerakan rakyatnya.

Kesimpulan

Islam mengiktiraf hak asasi manusia bagi mendapatkan dan memelihara keselamatan diri, kesihatan dan nyawa. Islam telah menggariskan beberapa dasar dan peraturan sebagai langkah memelihara hak-hak tersebut tersebut. Wabak merupakan salah satu perkara yang boleh mengancam kesihatan sehingga boleh membawa kepada kematian. Ekoran daripada itu, Islam sebagai satu agama yang mempunyai modul kehidupan yang syumul, telah memberikan kaedah dalam berdepan dengan bahaya wabak. Antaranya adalah melalui sekatan pergerakan atau sekatan migrasi termasuklah kuarantin. Dunia termasuklah Malaysia telah dikejutkan dengan penularan wabak pandemik COVID-19, yang jelas perlu kepada rawatan dan pencegahan. Bagi menangani bahaya wabak ini, kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah segera dan drastik. Antaranya adalah saranan untuk sentiasa menjaga kebersihan, menjalani ujian saringan, penjarakan sosial dan pelaksanaan kawalan pergerakan. Dari aspek kawalan pergerakan, pihak kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 2 (PKP 2), Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 3 (PKP 3) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Hasil kajian mendapati bahawa sekatan pergerakan/migrasi merupakan salah satu langkah yang dianjurkan di dalam Islam ketika menghadapi penularan wabak berbahaya. Oleh itu, pelaksanaan sekatan pergerakan tersebut secara tidak langsung selari dengan semangat sekatan migrasi/pergerakan yang dianjurkan di dalam Islam. Sekali gus kajian ini menyokong tindakan pihak kerajaan yang mengenakan sekatan pergerakan sebagai salah satu Prosedur Operasi Standard-nya apabila berdepan dengan senario seumpama ini.



Rujukan

- Abdul Karim, L. A. (2020, 25 Mac). COVID-19: PKP dilanjutkan hingga 14 April ini – PM. *BH Online*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669053/COVID-19-pkp-dilanjutkan-hingga-14-april-ini-pm>. Diakses pada: 25 Mac 2020
- Abdullah, N. H. (2020d). Kenyataan Akhbar KPK 10 April 2020 – Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia. <https://kpksehatan.com/2020/04/10/kenyataan-akhbar-kpk-10-april-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>. Diakses pada: 16 April 2020
- Abdullah, N. H. (2020a). Kenyataan Akhbar KPK 13 Mac 2020 – Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia. <https://kpksehatan.com/2020/03/13/kenyataan-akhbar-kpk-13-mac-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-COVID-19-di-malaysia/>. Diakses pada: 7 April 2020
- Abdullah, N. H. (2020b). Kenyataan Akhbar KPK 25 Mac 2020 -Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia. <https://kpksehatan.com/2020/03/25/kenyataan-akhbar-kpk-25-mac-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-COVID-19-di-malaysia/>. Diakses pada: 9 April 2020
- Abdullah, N. H. (2020c). Kenyataan Akhbar KPK 29 Mac 2020 – Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia. <https://kpksehatan.com/2020/03/29/kenyataan-akhbar-kpk-29-mac-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>. Diakses pada: 9 April 2020
- Abū Baṣīr, A. A. M. H. (t.th). *al-Hijrah Masā'il wa Ahkām*. t.tp: tpt.
- Ahmad, S. (2020, 18 April). Akad nikah 'online' pertama [METROTV]. *MyMetro*. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/04/568152/akad-nikah-online-pertama-metrotv>. Diakses pada: 4 Mei 2020
- al-Buḥārī, A. A. M. I. (1992). *Ṣaḥīḥ al-Buḥārī*. Istanbul: Dar Sahnun.
- al-Fayrūz Abadī, M. A. Y. (2005). *al-Qamūs al-Muḥīṭ*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Ghazālī, A. H. M. (1971). *Shifā al-Ghalīl*. Baghdad: al-Irshad Publisher.
- al-Jazā'irī, A. B. J. (1992). *Aysār al-Tafāsīr li Kalām al-'Aliyyī al-Kabīr*. Jil. 1. Jiddah: Racem.
- al-Jūhārī, A. N. I. H. (t.th). *al-Ṣaḥḥāḥ Tāj al-Luḡah wa Ṣiḥāḥ al-'Arabīyyah*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Jurjānī, A. M. A. A. (t.th). *Mu'jam al-Ta'rīfāt*. Tahqiq. Muhammad Siddiq al-Minshawi. al-Qahirah: Dar al-Fadilah
- al-Nawawī, A. Z. M. S. (t.th). *al-Minhāj fi sharah ṣaḥīḥ muslim ibn al-ḥajjāj*. al-Riyadh: Bait al-Afkar al-Dawliyyah.
- al-Qaradāwī, Y. (2012). *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fi al-Islām*. al-Qahirah: Maktabah al-Wahbah.
- al-Qur'ān al-Karīm
- al-Shaṭībī, I. I. I. (1997). *al-Muwāfaqah fi Uṣūl al-Sharī'ah*. Riyadh: Dar Uthman Ibn 'Affan.
- al-Zuhaylī, W. (1991). *al-Tafsīr al-Munīr fi al-'Aqīdah wa al-Ṣarī'ah wa al-Manhaj*. Jil. 5. Bayrut: Dar al-Fikr al-Ma'asir.
- Anon. (2000). *al-Mu'tamad*. Bayrut: Dar al-Sadir.
- Anon. (2004). *al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*. Jil. 42. al-Kuwayt: Wazarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Astro Awani. (2020a, 10 Mac). COVID-19: Gereja Katolik di Malaysia batal semua acara keagamaan selama dua minggu. *Astro Awani*. Diambil daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/COVID-19-gereja-katolik-di-malaysia-batal-semua-acara-keagamaan-selama-dua-minggu-233520>. Diakses pada: 25 Mac 2020



- Astro Awani. (2020b, 2 April). Syarat-syarat pergerakan ketika PKP. *Astro Awani*. Diambil daripada <http://www.astroawani.com/video-malaysia/syarat-syarat-pergerakan-ketika-pkp-1841340>. Diakses pada: 2 April 2020.
- Astro Awani. (2020c, 10 April). COVID-19: PKP dilanjutkan dua minggu lagi. *Astro Awani*. Diambil daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/COVID-19-pkp-dilanjutkan-dua-minggu-lagi-237714>. Diakses pada: 10 April 2020.
- Azil, F. (2020, 7 April). COVID-19: KKM perlu 10 hari saring Selangor Mansion, Malayan Mansion - KP Kesihatan. *Astro Awani*. Diambil daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/COVID-19-kkm-perlu-10-hari-saring-selangor-mansion-malayan-mansion-kp-kesihatan-237220>. Diakses pada: 9 April 2020
- Bahari, Ismail. (2006). *Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan*. Edisi Kedua. Universiti Kebangsaan Malaysia: Mc Graw Hill.
- BH Online. (2020a, 8 Mac). COVID-19: Malaysia larang kapal persiaran singgah pelabuhan. *BH Online*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/663257/COVID-19-malaysia-larang-kapal-persiaran-singgah-pelabuhan>. Diakses pada: 27 Mac 2020.
- BH Online. (2020b, 16 Mac). COVID-19: Perutusan khas Perdana Menteri mengenai perintah kawalan pergerakan. *BH Online*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665970/covid-19-perutusan-khas-perdana-menteri-mengenai-perintah-kawalan>. Diakses pada: 25 Mac 2020.
- BH Online. (2020c, 17 Mac). Kronologi COVID-19 di Malaysia. *BH Online*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>. Diakses pada: 26 Mac 2020
- BH Online. (2020d, 17 Mac). COVID-19: Malaysia rekod kematian pertama. *BH Online*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/03/666225/COVID-19-malaysia-rekod-kematian-pertama>. Diakses pada: 7 April 2020
- Daim, N. (2020, 4 April). Tabligh gathering cluster contributes highest positive COVID-19 figures. *New Straits Times*. Diambil daripada <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/581317/tabligh-gathering-cluster-contributes-highest-positive-COVID-19-figures>. Diakses pada: 8 April 2020.
- Fāris Zakariyyā, A. A. A. (t.th). *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*. Tahqiq 'Abd al-Salam Muhammad Harun. Jil. 6. t.tp: Dar al-Fikr.
- Fazlul Haque, E. H. (2020, 7 April). PKPD di Selangor Mansion, Malayan Mansion. *MyMetro*. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/04/563548/pkpd-di-selangor-mansion-malayan-mansion-metrotv>. Diakses pada: 9 April 2020
- Hajimin, M. N. H. H., Ibrahim, I. A., & Hajimin, N. A. A. (2019). Penghijrahan Manusia dari Perspektif Islam. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 6(1): 28-42.
- Hasnan, H. A. (2020, 2 April). COVID-19: Malaysia negara terawal kesan pesakit tanpa gejala. *Astro Awani*. Diambil daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/COVID-19-malaysia-negara-terawal-kesan-pesakit-tanpa-gejala-236464>. Diakses pada: 10 April 2020
- Holt, A.S.J.. (2005). *Principles of construction safety*. Oxford: Blackwell Science.
- Ibn al-'Arabī, A. B. M. A. (t.th). *Aḥkām al-Qur'ān*. Jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzūr, A. A. J. A. D. M. M. (t.th). *Lisān al-'Arab*. Jil. 5. Bayrut: Dar al-Sadir.
- Ibn Nujaim, Z.(1999). *al-Aṣḥab wa al-Nazā'ir*. Jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Alimah.
- Ibn Qudāmah, M. A. A. M. A. A. (1984). *al-Muḡnī wa al-Ṣarah al-Kabīr*. Jil. 10. Bayrut: Dar al-Fikr
- Ibrahim, I. A., Hajimin, M. N. H. H., Jamsari, E. A., Mohd Nasir, B., Safiai, M. H.. (2019). The Impact of Filipino Muslim Ethnic Migration into Sabah on ASEAN Integration. *International*



Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering 8(11): 369-372. doi: 10.35940/ijitee.K1354.0981119

- Jabatan Agama Islam Selangor. (2020). *Tatacara pelaksanaan akad nikah di negeri Selangor sepanjang 18 Mac 2020 hingga 17 April 2020*. <https://www.jais.gov.my/v2/page.php?id=665>. Diakses pada: 2 April 2020
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020). *Kenyataan media Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) berkaitan penangguhan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau serta panduan pengurusan jenazah mangsa COVID-19*. <http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataan-media/2373-kenyataan-media-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-hal-ehwal-agama-berkaitan-penangguhan-semua-aktiviti-keagamaan-di-masjid-dan-surau-septa-panduan-pengurusan-jenazah-mangsa-COVID-19>. Diakses pada: 1 April 2020
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2016). *Hukum Akad Nikah Menerusi Sidang Video (Video Conference)*. <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa-xwarta/2016/660-hukum-akad-nikah-menerusi-sidang-video-video-conference>. Diakses pada: 4 Mei 2020
- Kementerian Dalam Negeri. (2020). *Soalan lazim (FAQ's) berkaitan perintah kawalan pergerakan Kementerian Dalam Negeri*. http://www.moha.gov.my/images/terkini/FAQ_KDN_21_MAC_2020_update_21_Mac_20204pm.pdf. Diakses pada: 27 Mac 2020
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Garis panduan pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020 (kemaskini 25 Mac 2020)*. <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-guidelines>. Diakses pada: 1 April 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Garis panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa perintah kawalan pergerakan disebabkan penularan jangkitan COVID-19*. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/3361-surat-siaran-kpm-bilangan-3-tahun-2020-garis-panduan-pelaksanaan-pengajaran-dan-pembelajaran-pdp-semasa-pkp-disebabkan-penularan-jangkitan-COVID-19/file>. Diakses pada: 1 April 2020
- Majlis Agama Islam Johor. (2020). *Makluman: Pengumuman Pelanjutan tarikh penangguhan Solat Jumaat, Solat Berjemaah 5 waktu dan apa jua aktiviti di semua Masjid, Surau dan Musolla*. <http://www.maij.gov.my/?p=5109>. Diakses pada: 27 Mac 2020
- Majlis Keselamatan Negara. (2020). *Soalan lazim (FAQ's) - Bil. 1 (Dikemaskini) Perintah Kawalan Pergerakan (Movement Control Order) 18 - 31 Mac 2020*. <https://www.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/03/FAQ-Bil1730.pdf>. Diakses pada: 4 April 2020
- Mat Ruzki, R., Parzi, M. N., Muzamir, M. Y. & Sulaiman, N. A. (2020, 6 April). COVID-19: Ada dua kluster perhimpunan besar. *BH Online*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/673776/COVID-19-ada-dua-kluster-perhimpunan-besar> Diakses pada: 8 April 2020
- Mokhtar, N. A. (2020, 26 Mac). COVID-19: 3,570 penduduk Simpang Renggam diperintah 'berkurung' dalam rumah. *BH Online*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669627/COVID-19-3570-penduduk-simpang-renggam-diperintah-berkurung-dalam>. Diakses pada: 9 April 2020
- Muslim, A. H. M. H. (1987). *Shāḥīḥ Muslim*. al-Qahirah: Dar al-Rayyan lil Turath.
- Ngowi, A. B. & Mothibi, J. (1996). Culture and Safety at Work Site- A case Study at Botswana. In L. M. Alvez Dias and R.J. Coble (Eds). *Implementation of Safety and Health on Construction Sites*, CIB W99 1996 Lisbon. Balkema, Rotterdam, pp. 417-429.
- Pejabat Mufti Negeri Sabah. (2020). *Kenyataan Mufti Kerajaan Negeri Sabah isu solat Jumaat dan berjemaah serta aktiviti di masjid dan surau kesan dari wabak COVID-19*.



- [https://mufti.sabah.gov.my/images/laman-utama/penerbitan/fail-pdf/Kenyataan Mufti Kerajaan Negeri Sabah Solat Jumaat berjemaah ditangguhkan 17 Mac 2020.pdf](https://mufti.sabah.gov.my/images/laman-utama/penerbitan/fail-pdf/Kenyataan_Mufti_Kerajaan_Negeri_Sabah_Solat_Jumaat_berjemaah_ditangguhkan_17_Mac_2020.pdf). Diakses pada: 27 Mac 2020
- Pejabat Perdana Menteri. (2020). *Soalan lazim (FAQ's) perintah kawalan pergerakan (Movement control order) Kementerian Pengajian Tinggi*. <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2020/03/18-MAC-2020-FAQ-KPT.pdf>. Diakses pada: 2 April 2020
- Roslan, S. (2020, 16 Mac). COVID-19: Semua aktiviti di masjid, surau ditangguhkan. *MyMetro*. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/03/555161/COVID-19-semua-aktiviti-di-masjid-surau-ditangguhkan>. Diakses pada: 25 Mac 2020
- Ruzki, R. M. & Abdul Karim, L. A. (2020, 8 April). COVID-19: Sub-kluster tabligh di Rembau, merebak ke empat lokaliti. *BH Online*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674656/COVID-19-sub-kluster-tabligh-di-rembau-merebak-ke-empat-lokaliti>. Diakses pada: 9 April 2020
- Suhaimi, F. (2020, April). KKM kenal pasti kluster baharu COVID-19. *Astro Awani*. Diambil daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kkm-kenal-pasti-kluster-baharu-COVID-19-236893>. Diakses pada: 8 April 2020
- Utusan Borneo. (2020, 15 Mac). COVID-19: Tiada kebaktian, aktiviti-aktiviti Roman Katolik di Sarawak buat sementara waktu. *Utusan Borneo*. Diambil daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/15/covid-19-tiada-kebaktian-aktiviti-di-gereja-gereja-roman-katolik-di-sarawak-buat>. Diakses pada: 8 April 2020
- Wells Jr, J.W. (2003, 1 Mac). How Effective is Your Safety Culture?. *Occupational Health & Safety*. Diambil daripada <https://ohsonline.com/articles/2003/09/how-effective-is-your-safety-culture.aspx>. Diakses pada: 10 April 2020
- World Health Organization. (2020a). *Naming the coronavirus disease (COVID-19) and the virus that causes it*. [https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/technical-guidance/naming-the-coronavirus-disease-\(covid-2019\)-and-the-virus-that-causes-it](https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/technical-guidance/naming-the-coronavirus-disease-(covid-2019)-and-the-virus-that-causes-it). Diakses pada: 25 Mac 2020
- World Health Organization. (2020b). *Public Health Emergency of International Concern declared*. 30 Januari 2020. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/events-as-they-happen>. Diakses pada: 7 April 2020
- World Health Organization. (t.th). *Constitution*. <https://www.who.int/about/who-we-are/constitution>. Diakses pada: 30 Mac 2020
- Yaakob, I. S. (2020). *Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Batu 21-24 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor*. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perintah-kawalan-pergerakan-diperketatkan-pkpd-di-batu-21-24-sungai-lui-hulu-langat-selangor/>. Diakses pada: 30 Mac 2020
- Yusoff, A. H. (2020). COVID-19: 3,200 penghuni Menara City One, KL kena 'berkurung'. *BH Online*, 30 Mac. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/671105/COVID-19-3200-penghuni-menara-city-one-kl-kena-berkurung>. [Diakses pada 9 April 2020].